

29 AUG 1996

Laporan khas

RAKYAT MALAYSIA DIINGAT SUPAYA HATI-HATI TENTANG SIKAP PUAS HATI

Oleh: S. Durga Varma dan M. Jegathesan

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia yang menyambut ulang tahun kemerdekaan negara ke-39 Sabtu ini, mesti berhati-hati tentang sikap puas hati, kerana jika tidak diawasi, akan menghancurkan keajaiban ekonomi Malaysia sekarang.

Pemimpin-pemimpin industri yang diwawancara bersempena Hari Kebangsaan, sepakat bahawa rakyat Malaysia mesti berwaspada dan berusaha untuk mengekal hasil titik peluh dan perjuangan para pengasas negara dan pemimpin-pemimpin yang mewarisi mereka.

Teras usaha itu hendaklah ke arah menjayakan Wawasan 2020 Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan memandu rakyat untuk menggembleng sumber-sumber negara ke arah kecemerlangan itu dalam masa 25 tahun mendatang ini.

Akhirnya, hasrat untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang makmur dan sebuah ekonomi yang berdayasaing sepenuhnya, dinamis, lasak dan bingkas, terutama sekali dalam arena antarabangsa yang dipenuhi persaingan yang dijangka akan semakin bertambah sengit.

Penasihat ekonomi kepada kerajaan, Tun Daim Zainuddin, berkata antara tonggak yang mesti diletakkan ialah langkah-langkah untuk menggerakkan tabungan yang tinggi kerana pengembangan keupayaan kehasilan bergantung kepada pelaburan yang tinggi.

Seperti yang pernah beliau suarakan "setiap sen yang dijamin adalah setiap sen yang menguntungkan", bekas menteri kewangan itu berkata bahawa hanya melalui tabungan tinggilah dana domestik boleh digembleng untuk melengkapkan pelaburan asing secara langsung dan membiayai pelaksanaan projek-projek serta menyertai dalam peluang-peluang untuk pelaburan di peringkat dunia.

Daim menambah kata bahawa apa sahaja langkah yang diambil mesti mengambil kira aspek pensejagatan ekonomi duni yang semakin bertambah dan perlunya untuk mempertingkatkan kedayasaingan.

Malaysia telah sering mengambil pendirian yang jauh lebih liberal berbanding banyak negara lain berkaitan perkara perdagangan dan pelaburan, dan pengliberalan yang lebih luas adalah baik untuk ekonomi negara yang digerakkan oleh eksport.

"Dengan kemudahan masuk yang lebih ke dalam pasaran-pasaran dunia, Malaysia akan dapat meningkatkan perkongsian pasarnya dan menyertai secara bermakna dalam ekonomi sedunia," tambahnya.

Daim berkata bahawa Malaysia tidak bertujuan untuk meniru orang lain, tetapi berhasrat untuk memajukan sepenuhnya kejayaan dalam semua aspek -- ekonomi, politik, kemasyarakatan, kerohanian, psikologi dan kebudayaan.

Perangkap yang perlu dielak ialah melihat pembangunan hanya dari sudut ekonomi, yang bermakna matlamat-matlamat pengagihan tidak boleh diabaikan dan bahawa semua peringkat masyarakat serta semua wilayah dalam negara mendapat faedah daripada pembangunan yang pesat itu.

Daim juga berkata Malaysia mesti, tanpa tolak ansur, mengelakkan sikap puas hati dan kepercayaan bahawa pertumbuhan yang tinggi akan berkekalan, kerana keperluan untuk seiring dengan perubahan mutakhir dalam teknologi, terutama sekali teknologi maklumat adalah amat perlu.

Pengerusi Proton-DRB, Tan Sri Yahaya Ahmad berkata sejak perisytiharaan Wawasan 2020, cabaran bagi Malaysia ialah untuk mencapai kadar pertumbuhan tahunan tidak kurang daripada tujuh peratus sehingga tahun 2020.

"Cabarannya ialah untuk mengurus dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi

yang kukuh di samping mempertahankan kestabilan harga serta mencapai kepaduan yang lebih besar antara sumber-sumber manusia dan pembangunan teknologi dan untuk mengubahkannya secara dinamis kepada mutu dan kehasilan," katanya.

Sambil menyuarakan tentang perlunya modal dan kemahiran buruh yang cekap, Yahaya bersetuju dengan Daim bahawa pengagihan kemakmuran yang saksama harus dipertingkatkan kerana ia adalah keperluan asas bagi kestabilan sosio-ekonomi dan politik.

Bagaimanapun, beliau berkata bahawa satu sektor yang mesti terus dimajukan oleh kerajaan ialah sektor perkhidmatan kerana ia dianggap akan menyumbang kira-kira 60 peratus kepada Keluaran Negara Kasar (KNK) negara-negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Beliau berkata kepentingan sektor perkhidmatan, yang termasuk perbankan dan kewangan, pelancongan, semua bentuk pengangkutan dan perkhidmatan pendidikan, kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara maju dan membangun, semakin meningkat.

"Lebih dalam akaun perdagangan tidak dapat mengimbangi defisit dalam akaun perkhidmatan, mengakibatkan meningkatnya defisit akaun semasa dalamimbangan pembayaran kita."

Oleh itu adalah tepat bagi kita untuk menyokong kerajaan dalam memupuk dan memajukan sebuah sektor perkhidmatan yang moden dan dinamik bagi membolehkan ia bukan sahaja menjadi pemangkin utama bagi pertumbuhan tetapi juga satu potensi dagangan eksport antarabangsa.

Bagi Proton, Yahaya berkata syarikat itu sedang memberi penekanan yang lebih kepada modal dan proses pengeluaran yang berintensifkan teknologi yang dapat meningkatkan kedayasaingan dan kecekapan.

"Pengeluaran automotif di dalam kumpulan akan terus diusahakan untuk faedah ekonomi berimbang, dan antara lain, pengeluaran kami akan digerakkan oleh eksport," tambahnya.

Pengerusi Land and General Bhd, Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah berkata Wawasan 2020 telah berjaya mewujudkan satu matlamat atau sasaran nasional yang tulen di mana setiap rakyat Malaysia, tidak kira bangsa atau agama, boleh menyertainya.

"Bagaimanapun, saya nampak cabaran utama yang dihadapi Malaysia dalam perjalanannya untuk mencapai wawasan itu, ialah meningkatkan daya kehasilan. Bahagian sumber manusia memerlukan peninggian dari segi kemahiran, kesedaran teknologi dan penetapan minda.

"Dalam jangka masa pertengahan, lebih banyak pendekatan yang lasak kepada penyusunan semula perusahaan perlu dilaksanakan, di mana industri-industri yang tidak lagi berkaitan dan yang tidak mungkin kekal berkaitan mesti dikeluarkan.

"Lebih cepat ia dapat dilaksanakan, lebih baik," tambahnya.

Ditanya tentang bahaya yang mesti diawasi oleh Malaysia, Wan Azmi berkata: "Kesombongan. Kita semua mesti sedar bahawa kita perlu berlari pantas hanya untuk berada di tempat yang sama."

Naib presiden kumpulan Pernas International Holdings Bhd (PIHB), Datuk Haji Ahmad Sidek berkata rakyat Malaysia mesti sentiasa berjaga-jaga terhadap penekanan berlebihan kepada kebendaan dan harus berjimat cermat bila berbelanja.

"Kita mesti menjadi satu masyarakat yang digerakkan oleh input berasaskan kepada teknologi. Kita perlu memajukan teknologi ciptaan kita sendiri dengan melabur dalam pendidikan dan pembangunan kemahiran," katanya.

Penolong pengurus DCB Sakura Bankers Bhd B.Ravindrasingam, berkata Malaysia perlu memastikan purata kadar pertumbuhan tahunan sebanyak lapan peratus sehingga tahun 2020 untuk mencapai cita-cita Wawasan 2020.

"Oleh itu, para pelabur tempatan hendaklah melabur di seberang laut,

dalam pasaran-pasaran sedang muncul seperti China, India dan Vietnam. Kita tidak boleh berpuas hati atau bergantung kepada pasaran domestik," katanya.

Ravindrasingam juga berkata bahawa masa depan sektor kewangan kekal baik atas keberkatan ekonomi Malaysia yang aktif. -- BERNAMA

DVS JSM SIA